



جابتن کواغن دان قربنداھاراءن نگرې ملاک

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj Kami : PWN(PP) 1/41 JLD 5 ()

Tarikh : 5 November 2019

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA (PINDAAN 2019)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 27/2019 yang bersidang pada 18 September 2019 dan disahkan pada 25 September 2019 telah meluluskan Garis Panduan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Melaka (Pindaan 2019).

3. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen berkaitan untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

- i. **Lampiran A** - Garis Panduan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Melaka (Pindaan 2002)
- ii. **Lampiran B** - Cadangan Pindaan kepada Garis Panduan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Melaka
- iii. **Lampiran C** - Garis Panduan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Melaka (Pindaan 2019)

4. Garis Panduan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Melaka (Pindaan 2019) seperti pada Lampiran C diterima pakai dan dijadikan amalan di dalam pelaburan saham berkuatkuasa serta merta. Mana-mana peraturan dan amalan yang telah dan



**GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA
(PINDAAN 2019)**

akan diluluskan perlu mematuhi Garis Panduan Pelaburan Saham Kerajaan Negeri Melaka (Pindaan 2019).

5. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai di Unit Analisa dan Pemantauan Pelaburan Jabatan ini jika memerlukan penjelasan lanjut berhubung perkara ini.

6. Sehubungan itu, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua anak syarikat masing-masing seterusnya memastikan pematuhan garis panduan ini di peringkat Agensi dan Anak Syarikat amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MELAKA BERWIBAWA”

“PINTAR, HIJAU, BERSIH”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK HANAFI BIN SAKRI)

Pegawai Kewangan Negeri

MELAKA

**GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA
(PINDAAN 2019)**

LAMPIRAN

SENARAI EDARAN

1. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM),
Aras 4-11, Menara MITC,
Jalan Konvensyen, Kompleks MITC,
75450 Ayer Keroh
MELAKA.

2. Pengurus Besar,
Yayasan Melaka,
No.40-48 & 52 Jalan BKD 27,
Taman Bukit Katil Damai 2,
75450 Ayer Keroh,
MELAKA.

3. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM),
Tingkat 8, Menara PERTAM,
Jalan BBP 2, Taman Batu Berendam Putra,
75350 Batu Berendam,
MELAKA.

4. Setiausaha,
Majlis Agama Islam Melaka,
Aras 3, Kompleks MAIM,
Bukit Palah,
75150 MELAKA.

**GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA
(PINDAAN 2019)**

5. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Bioteknologi Melaka,
Lot 7, Jalan MITC,
Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh,
MELAKA.

6. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM),
Kompleks Warisan Melaka,
Jalan Kota,
75000 **MELAKA.**

7. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM),
Aras 3, Wisma Negeri,
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh ,
MELAKA.

8. Pengarah,
Perbadanan Perpustakaan Awam,
242-1, Jalan Bukit Baru,
75150 **MELAKA.**

**GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA
(PINDAAN 2019)**

9. Pengarah Eksekutif,
Perbadanan Stadium Melaka,
Aras 1, Stadium Hang Jebat,
Kompleks Sukan Hang Jebat,
Paya Rumput Krubong,
75260 **MELAKA.**

10. Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Pembangunan Sungai & Pantai Melaka,
Tingkat 9, Bangunan Graha Maju,
Jalan Graha Maju,
75300 **MELAKA.**

11. Pengarah Eksekutif,
Lembaga Perumahan Melaka,
No 9-1, Jalan TU49A,
Kompleks Komersial Boulevard,
75450 Ayer Keroh,
MELAKA.

12. Pengurus Besar,
Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI),
Aras Bawah, Menara MITC,
Jalan Konvensyen, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh,
MELAKA.

**GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA
(PINDAAN 2019)**

13. Naib Canselor,

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM),

Kampus Utama, Batu 28,

Kuala Sungai Baru,

78200 **MELAKA.**

14. Ketua Pegawai Eksekutif,

Kumpulan Melaka Berhad,

No. 24-5 & 26-5, Tingkat 5,

Bangunan Kota Cemerlang,

Hang Tuah Jaya,

75450 Ayer Keroh, **MELAKA.**

15. Setiausaha,

Lembaga Tabung Amanah Melaka,

Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka,

Aras 4, Blok Bentara, Kompleks Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,

75450 Ayer Keroh,

MELAKA.

16. **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

Aras 3, Blok Temenggong,

Kompleks Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,

75450 Ayer Keroh,

MELAKA.

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN
PELABURAN SAHAM
KERAJAAN NEGERI MELAKA**
(PINDAAN 2002)

KEPUTUSAN MMKN:

TARIKH DILULUSKAN : 19.06.2002

TARIKH DISAHKAN : 26.06.2002

UNIT ANALISIS DAN PEMANTAUAN PELABURAN
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

GARISPANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA (PINDAAN 2002)

1.0 SAHAM-SAHAM YANG DIBENARKAN

- 1.1 Saham-saham yang boleh dilaburkan mestilah saham-saham yang disenaraikan di **Bursa Saham Kuala Lumpur**, saham-saham yang diperuntukkan oleh pihak kementerian dan **saham-saham tak tersiarharga yang mempunyai daya maju ('potential growth')**.
- 1.2 Tertakluk kepada para 1.1 di atas, saham-saham yang dibenarkan adalah saham-saham amanah (*trustee stock*) dan saham-saham yang berkualiti tinggi. Pembelian ini hendaklah menggunakan lebihan pendapatan Kerajaan Negeri/Agensi-agensi Kerajaan Negeri tanpa menggunakan sumber pembiayaan pinjaman bank bagi mengelakkan risiko kerugian dan pembayaran faedah.
- 1.3 Pembelian saham-saham bukan amanah perlulah dirujuk kepada urusetia Jawatankuasa Pelaburan Negeri yang akan memanjangkan permohonan ini kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan jika diperlukan.

2.0 SUMBER PEMBIAYAAN

- 2.1 Oleh kerana pelaburan saham melibatkan risiko pasaran yang tidak menentu, sumber pembiayaan perlulah dirancang dan ditetapkan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan Negeri dan Agensi-

agensi Kerajaan Negeri. Sumber-sumber pembiayaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- a) Wang lebih pendapatan/keuntungan di dalam tempoh semasa;
- b) Melalui penubuhan Tabung Amanah yang menyediakan peruntukan pembiayaan pembelian saham; dan
- c) Sebarang pinjaman yang dibuat kepada institusi kewangan adalah tidak dibenarkan.

3.0 HAD MAKSIMA PELABURAN

- 3.1 Bagi wang lebih pendapatan/keuntungan, had maksima yang boleh dilaburkan di dalam pasaran ekuiti adalah sebanyak 30% daripada wang lebih/keuntungan tersebut.
- 3.2 Pelaburan ke atas satu-satu jenis saham hendaklah tidak melebihi RM10 juta pada nilai kos pembelian dibuat **kecuali jika ia bertujuan untuk menjadikan syarikat tersebut sebagai anak Syarikat Kerajaan Negeri.**

4.0 KELULUSAN JAWATANKUASA PELABURAN/LEMBAGA PENGARAH

- 4.1 Kelulusan Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah hendaklah diperolehi bagi pembelian satu-satu jenis saham **kecuali jika mendapat persetujuan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan.** Kertas cadangan yang mengandungi kedudukan dana, pegangan saham yang sedia ada dan senarai saham-saham yang dicadangkan

hendaklah dikemukakan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan/** Jawatankuasa Pelaburan Negeri/ Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.

- 4.2 **Semua keputusan yang diberikan oleh Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka hendaklah dibawa dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka.**

5.0 PEMILIHAN SAHAM - PEMBELIAN

- 5.1 Kertas cadangan pembelian satu-satu jenis saham yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan / Lembaga Pengarah hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:
- a) Ramalan arah aliran ekonomi dunia (global) terutama arah aliran ekonomi negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dan ekonomi dengan Malaysia. Perhatian perlu diberi kepada kesan atau impak arah aliran ekonomi di atas kepada ekonomi Malaysia atau syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia.
 - b) Ramalan pertumbuhan ekonomi dan perubahan petunjuk ekonomi Malaysia. Antara petunjuk yang perlu diberi perhatian adalah ramalan pertumbuhan KDK (GNP), kadar faedah, kadar inflasi, kadar tabungan dan penggunaan, kadar gunatenaga dan lain-lain.

- c) Membuat analisa sensitiviti sesuatu sektor ekonomi (industri, kewangan dan lain-lain) terhadap perubahan seperti di para (3) dan (b) di atas. Tujuan utama adalah meramalkan sejauh mana sesuatu sektor ekonomi itu menerima faedah atau terjejas dari perubahan di atas.
- d) Menganalisa sesuatu saham yang dicadangkan. Keutamaan hendaklah diberi kepada:-
- (i) Saham-saham yang dijangka menerima faedah tertinggi di masa akan datang kesan perubahan ekonomi di para (a) dan (b) di atas. Saham-saham ini dijangka mempunyai pertumbuhan keuntungan yang tinggi;
 - (ii) Saham-saham yang menunjukkan rekod terbaik untuk beberapa tahun kebelakangan seperti keuntungan selepas cukai, pulangan ke atas seunit saham (EPS) dan lain-lain;
 - (iii) Mempunyai nisbah harga/perolehan (P/E) yang rendah berbanding dengan P/E industri atau lain-lain syarikat pesaing;
 - (iv) Memberi pulangan dividen yang memuaskan atau 'dividen yield' yang munasabah;
 - (v) Mempunyai nisbah kewangan yang memuaskan;

- (vi) Mempunyai kualiti pengurusan yang baik yang melihatkan keupayaan untuk meningkatkan prestasi syarikat.
- e) Perhatian juga perlu diberi kepada analisis teknikal antara lain adalah:
- (i) Membandingkan harga semasa saham berkenaan dengan jarak harga tertinggi dan harga terendah saham itu untuk beberapa tahun yang lampau;
 - (ii) Membandingkan kedudukan harga semasa saham berkenaan dengan harga jangkaan yang ditentukan dari analisa di para (d); dan
 - (iii) Melihat sudut apungan (float) saham berkenaan. Ini untuk menentukan sama ada saham berkenaan susah atau mudah dibeli atau dijual di pasaran.
- f) Analisis di atas juga akan dibandingkan dengan cadangan yang dibuat oleh penganalisis pelaburan yang lain
- g) Perkhidmatan pakar runding atau firma akauntan hendaklah digunakan di dalam menilai saham-saham tersebut jika Kerajaan Negeri atau Agensi-agensi Kerajaan Negeri tidak mempunyai kemahiran di dalam bidang tersebut

- 5.2 Penetapan harga pembelian perlu dibuat dengan melihat kepada julat harga tertinggi dan harga terendah sesuatu saham dan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan atau Lembaga Pengarah.

6.0 PEMILIHAN SAHAM PENJUALAN

- 6.1 Objektif pegangan saham adalah untuk mendapatkan pulangan dari dividen dan keuntungan modal yang munasabah dari pelaburan. Oleh itu sebarang kenaikan harga sesuatu saham yang memberi pulangan yang munasabah dari kos pembelian asal serta kecenderungan untuk harga saham berkenaan meningkat lebih tinggi adalah tipis, maka penjualan saham berkaitan boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri.
- 6.2 Dalam keadaan tertentu, penjualan boleh juga dilakukan walaupun keuntungan belum mencapai ke tahap munasabah ataupun untuk mengelak kerugian yang lebih besar (contohnya; prestasi syarikat yang dilabur merosot sekali dan jangkaan pemulihan tidak menentu).
- 6.3 Penetapan harga jualan boleh dilakukan dengan mengambilkira keuntungan sekurang-kurangnya 50% dari harga belian.

Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka

LAMPIRAN B

CADANGAN PINDAAN KEPADA GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA

BIL	PARA	ASAL	PINDAAN	CATATAN
1	1.4	Tiada	Pelaburan di dalam saham tidak tersiar harga yang bertujuan untuk mewujudkan anak syarikat Kerajaan Negeri yang baharu perlu mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) selaras keputusan MMKN Bil. 21/2019 berhubung Rasionalisasi dan Pengukuhan Pengurusan Agensi Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka.	Bagi memastikan penubuhan anak syarikat Kerajaan Negeri yang baharu dapat dikawal selaras matlamat rasionalisasi yang sedang dilaksanakan.
2	3.2	Pelaburan ke atas satu-satu jenis saham hendaklah tidak melebihi RM10 juta pada nilai kos pembelian dibuat kecuali jika ia bertujuan untuk menjadikan syarikat tersebut sebagai anak Syarikat Kerajaan Negeri.	Pelaburan ke atas satu-satu jenis saham hendaklah tidak melebihi RM25 juta pada nilai kos pembelian dibuat kecuali jika ia bertujuan untuk menjadikan syarikat tersebut sebagai anak Syarikat Kerajaan Negeri.	Bagi membenarkan pembelian saham berpotensi dan berkualiti dengan nilai yang lebih signifikan tertakluk kepada kedudukan kewangan.

BIL	PARA	ASAL	PINDAAN	CATATAN
3	4.1	<p>Kelulusan Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah hendaklah diperolehi bagi pembelian satu-satu jenis saham kecuali jika mendapat persetujuan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri /Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Negeri. Kertas cadangan yang mengandungi kedudukan dana, pegangan saham yang sedia ada dan senarai saham-saham yang dicadangkan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri/ Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Negeri/ Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.</p>	<p>Kelulusan Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah hendaklah diperolehi bagi pembelian satu-satu jenis saham kecuali jika mendapat persetujuan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri /Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Negeri. Kertas cadangan yang mengandungi kedudukan dana, pegangan saham yang sedia ada dan senarai saham-saham yang dicadangkan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri/ Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Negeri/ Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.</p>	<p>Memperkemas pembuatan segera dengan memasukkan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan membolehkan keputusan pembelian atau penjualan saham-saham tersiarhaga dibuat dengan cepat berdasarkan kedudukan harga pasaran yang kerap berubah bagi mengelakkan terlepas peluang memaksimumkan keuntungan.</p>

BIL	PARA	ASAL	PINDAAN	CATATAN
4	4.2	Semua keputusan yang diberikan oleh Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka hendaklah dibawa dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka.	Semua keputusan yang diberikan oleh Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka/ Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Negeri hendaklah dibawa dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka.	
5	6.3	Penetapan harga jualan boleh dilakukan dengan mengambil kira keuntungan sekurang-kurangnya 50% dari harga belian.	Penetapan harga jualan boleh dilakukan dengan mengambil kira keuntungan dan tempoh pelaburan yang munasabah sekurang-kurangnya 10% dari kos harga belian atau melebihi 8% p.a.	Membolehkan pembelian dan penjualan saham bersifat 'trading stocks' atau pelaburan jangka pendek dan mengambil kira tempoh pelaburan untuk 'time value for money'.

BIL	PARA	ASAL	PINDAAN	CATATAN
6	7.0	Tiada, perenggan tambahan kepada garis panduan asal.	<p>7.0 LARANGAN PECAH KECIL PEMBELIAN SAHAM PERUNTUKAN KHAS BUMIPUTRA DAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN</p> <p>7.1 Agensi yang berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) bagi pembelian Peruntukan Khas Saham Bumiputera adalah dilarang untuk memecahkecil ke atas saham yang dibeli dan mengambil komisen daripada pembiayaan dana saham.</p> <p>7.2 Amalan yang boleh menyebabkan berlaku percanggahan kepentingan seperti pecah kecil saham khas Bumiputera yang telah diperuntukkan kepada agensi yang berdaftar dengan MITI bagi mengelakkan peruntukan tersebut dipulangkan kepada MITI adalah tidak dibenarkan kecuali jika diputuskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa</p>	<p>Memasukkan klausa larangan memecahkecil dan percanggahan kepentingan seperti syor SPRM yang telah menjalankan pemeriksaan ke atas Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja Pengagihan Saham Khas Bumiputera oleh MITI kepada Yayasan Melaka.</p>

BIL	PARA	ASAL	PINDAAN	CATATAN
			<p>Pelaburan Negeri. Walaubagaimana pun, agihan saham tersebut dihadkan kepada agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri sahaja.</p>	

**GARIS PANDUAN
PELABURAN SAHAM
KERAJAAN NEGERI MELAKA**
(PINDAAN 2019)

KEPUTUSAN MMKN BIL. 27/2019

TARIKH DILULUSKAN : 18 SEPTEMBER 2019
TARIKH DISAHKAN : 25 SEPTEMBER 2019

GARIS PANDUAN PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI MELAKA (PINDAAN 2019)

1.0 SAHAM-SAHAM YANG DIBENARKAN

- 1.1 Saham-saham yang boleh dilaburkan mestilah saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, saham-saham yang diperuntukkan oleh pihak kementerian dan saham-saham tak tersiarharga yang mempunyai daya maju (*'potential growth'*).
- 1.2 Tertakluk kepada para 1.1 di atas, saham-saham yang dibenarkan adalah saham-saham amanah (*trustee stock*) dan saham-saham yang berkualiti tinggi. Pembelian ini hendaklah menggunakan lebihan pendapatan Kerajaan Negeri/Agensi-agensi Kerajaan Negeri tanpa menggunakan sumber pembiayaan pinjaman bank bagi mengelakkan risiko kerugian dan pembayaran faedah.
- 1.3 Pembelian saham-saham bukan amanah perlulah dirujuk kepada urusetia Jawatankuasa Pelaburan Negeri yang akan memanjangkan permohonan ini kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan jika diperlukan.
- 1.4 Pelaburan di dalam saham tidak tersiar harga yang bertujuan untuk mewujudkan anak syarikat Kerajaan Negeri yang baharu perlu mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) selaras keputusan MMKN Bil. 21/2019 berhubung Rasionalisasi dan Pengukuhan Pengurusan Agensi Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka.

2.0 SUMBER PEMBIAYAAN

- 2.1 Oleh kerana pelaburan saham melibatkan risiko pasaran yang tidak

menentu, sumber pembiayaan perlulah dirancang dan ditetapkan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri. Sumber-sumber pembiayaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- a) Wang lebih pendapatan/keuntungan di dalam tempoh semasa;
- b) Melalui penubuhan Tabung Amanah yang menyediakan peruntukan pembiayaan pembelian saham; dan
- c) Sebarang pinjaman yang dibuat kepada institusi kewangan adalah tidak dibenarkan.

3.0 HAD MAKSIMA PELABURAN

- 3.1 Bagi wang lebih pendapatan/keuntungan, had maksima yang boleh dilaburkan di dalam pasaran ekuiti adalah sebanyak 30% daripada wang lebih/keuntungan tersebut.
- 3.2 Pelaburan ke atas satu-satu jenis saham hendaklah tidak melebihi RM25 juta pada nilai kos pembelian dibuat kecuali jika ia bertujuan untuk menjadikan syarikat tersebut sebagai anak Syarikat Kerajaan Negeri.

4.0 KELULUSAN JAWATANKUASA PELABURAN/LEMBAGA PENGARAH

- 4.1 Kelulusan Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah hendaklah diperolehi bagi pembelian satu-satu jenis saham kecuali jika mendapat persetujuan Pengerusi/Timbangan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri. Kertas cadangan yang mengandungi kedudukan dana, pegangan saham yang sedia ada dan senarai saham-saham yang dicadangkan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri/ Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Negeri/

Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.

- 4.2 Semua keputusan yang diberikan oleh Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka/ Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelaburan Negeri hendaklah dibawa dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Negeri Melaka.

5.0 PEMILIHAN SAHAM - PEMBELIAN

- 5.1 Kertas cadangan pembelian satu-satu jenis saham yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan / Lembaga Pengarah hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - a) Ramalan arah aliran ekonomi dunia (global) terutama arah aliran ekonomi negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dan ekonomi dengan Malaysia. Perhatian perlu diberi kepada kesan atau impak arah aliran ekonomi di atas kepada ekonomi Malaysia atau syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia.
 - b) Ramalan pertumbuhan ekonomi dan perubahan petunjuk ekonomi Malaysia. Antara petunjuk yang perlu diberi perhatian adalah ramalan pertumbuhan KDK (GNP), kadar faedah, kadar inflasi, kadar tabungan dan penggunaan, kadar gunatenaga dan lain-lain.
 - c) Membuat analisa sensitiviti sesuatu sektor ekonomi (industri, kewangan dan lain-lain) terhadap perubahan seperti di para (3) dan (b) diatas. Tujuan utama adalah meramalkan sejauh mana sesuatu sektor ekonomi itu menerima faedah atau terjejas dari perubahan di atas.
 - d) Menganalisa sesuatu saham yang dicadangkan. Keutamaan hendaklah diberi kepada:-

- (i) Saham-saham yang dijangka menerima faedah tertinggi di masa akan datang kesan perubahan ekonomi di para (a) dan (b) di atas. Saham-saham ini dijangka mempunyai pertumbuhan keuntungan yang tinggi;
 - (ii) Saham-saham yang menunjukkan rekod terbaik untuk beberapa tahun kebelakangan seperti keuntungan selepas cukai, pulangan ke atas seunit saham (EPS) dan lain-lain;
 - (iii) Mempunyai nisbah harga/perolehan (P/E) yang rendah berbanding dengan P/E industri atau lain-lain syarikat pesaing;
 - (iv) Memberi pulangan dividen yang memuaskan atau '*dividen yield*' yang munasabah;
 - (v) Mempunyai nisbah kewangan yang memuaskan;
 - (vi) Mempunyai kualiti pengurusan yang baik yang melihatkan kemampuan untuk meningkatkan prestasi syarikat.
- e) Perhatian juga perlu diberi kepada analisis teknikal antara lain adalah:
- (i) Membandingkan harga semasa saham berkenaan dengan jarak harga tertinggi dan harga terendah saham itu untuk beberapa tahun yang lampau;
 - (ii) Membandingkan kedudukan harga semasa saham berkenaan dengan harga jangkaan yang ditentukan dari analisis di para (d); dan
 - (iii) Melihat di sudut apungan (*float*) saham berkenaan. Ini

untuk menentukan sama ada saham berkenaan susah atau mudah dibeli atau dijual di pasaran.

- f) Analisis di atas juga akan dibandingkan dengan cadangan yang dibuat oleh penganalisis pelaburan yang lain.
- g) Perkhidmatan pakar runding atau firma akauntan hendaklah digunakan di dalam menilai saham-saham tersebut jika Kerajaan Negeri atau Agensi-agensi Kerajaan Negeri tidak mempunyai kemahiran di dalam bidang tersebut.

5.2 Penetapan harga pembelian perlu dibuat dengan melihat kepada julat harga tertinggi dan harga terendah sesuatu saham dan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan atau Lembaga Pengarah.

6.0 PEMILIHAN SAHAM - PENJUALAN

6.1 Objektif pegangan saham adalah untuk mendapatkan pulangan dari dividen dan keuntungan modal yang munasabah dari pelaburan. Oleh itu sebarang kenaikan harga sesuatu saham yang memberi pulangan yang munasabah dari kos pembelian asal serta kecenderungan untuk harga saham berkenaan meningkat lebih tinggi adalah tipis, maka penjualan saham berkaitan boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri.

6.2 Dalam keadaan tertentu, penjualan boleh juga dilakukan walaupun keuntungan belum mencapai ke tahap munasabah ataupun untuk mengelak kerugian yang lebih besar (contohnya; prestasi syarikat yang dilabur merosot sekali dan jangkaan pemulihan tidak menentu).

6.3 Penetapan harga jualan boleh dilakukan dengan mengambilkira keuntungan dan tempoh pelaburan yang munasabah sekurang-kurangnya 10% dari kos harga belian atau melebihi 8% p.a.

7.0 LARANGAN PECAH KECIL PEMBELIAN SAHAM PERUNTUKAN KHAS BUMIPUTERA DAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- 7.1 Agensi yang berdaftar dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) bagi pembelian Peruntukan Khas Saham Bumiputera adalah dilarang untuk memecahkecil ke atas saham yang dibeli dan mengambil komisen daripada pembiayaan dana saham.
- 7.2 Amalan yang boleh menyebabkan berlaku percanggahan kepentingan seperti pecah kecil saham khas Bumiputera yang telah diperuntukkan kepada agensi yang berdaftar dengan MITI bagi mengelakkan peruntukan tersebut dipulangkan kepada MITI adalah tidak dibenarkan kecuali jika diputuskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Negeri. Walaubagaimana pun, agihan saham tersebut dihadkan kepada agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri sahaja.

Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Tarikh: September 2019